

PELAKSANAAN PROSES MEDIASI SULH KES KEKELUARGAAN JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI SEMBILAN MALAYSIA DAN MAHKAMAH MAHKAMAH SYAR'IIYAH BIREUEN ACEH INDONESIA: SUATU PENGENALAN
IMPLEMENTATION OF THE SULH MEDIATION PROCESS IN FAMILY CASES BY THE NEGERI SEMBILAN SYARIAH JUDICIARY DEPARTMENT, MALAYSIA, AND THE BIREUEN ACEH SYARIAH COURT, INDONESIA: AN INTRODUCTION

^{i,*}Zulzaidi Mahmud, ⁱⁱAqilah Syahirah Adam Tan, ⁱⁱⁱZailifah Rusly, ⁱⁱⁱⁱMohd Rifaudin Abd Wahab, ^vSiti Zaidah Hussain, ^{vi}Ahmad Hambali Mohamad Ali & ^{vii}Nazatul Faseha Md Nasir

ⁱFaculty of Syariah and Law, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

ⁱⁱMalaysia Department of Syariah Judiciary Negeri Sembilan, Malaysia

*(Corresponding author) e-mail: zulzaidi@esyariah.gov.my

ABSTRACT

Mediation is an alternative case settlement which implemented in the legal system around the world such as in Malaysia, Indonesia, United Kingdom, Mesir and Singapore. Whereas, the implementation of Sulh Mediation is confined to only in Syariah Legal System atmosphere which has its own jurisdiction. However, the lingering question is to what extent Sulh Mediation being implemented in Malaysia and Indonesia as regard to the aspect of enforced law in these two countries. This research aims to study on the implementation of Sulh Mediation at Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan as compared to Syariah Court of Bireuen Aceh (Indonesia). Data collection for this research is done through bibliography, documentation and interviews with related parties. The research was conducted through a qualitative methodology on the implementation of Sulh Mediation. The research found that the mere purpose of implementing Mediation in Malaysia and Indonesia is to focus on facilitating the parties in their discussion process towards settlement of disputed rights they claimed and alleged. Sulh Mediation is the best alternative way to arrange an allegation or claim by parties which needs court proceeding in obtaining its judgment. Research suggests the empowerment of Sulh Mediation should be done in organized manner based on existing provisions. Competencies of Sulh Officers need to be strengthened through continuous training including the exchange of views with agencies from abroad.

Keywords: *Sulh, Mediation, Negeri Sembilan Syariah Judiciary Department, Bireuen Aceh Syariah Court*

Abstrak

Mediasi merupakan alternatif perbincangan yang telah diimplimentasikan dalam sistem perundangan di dunia seperti di Malaysia, Indonesia, United Kingdom, Mesir dan Singapura. Pelaksanaan Mediasi Sulh pula lebih terhad dalam ruang lingkup kehakiman Syariah sahaja terutama yang memiliki sistem kehakiman Syariah secara khusus. Walau bagaimanapun sejauhmana pelaksanaan mediasi sulh ini dilaksanakan di Malaysia dan di Indonesia berdasarkan aspek perundangan yang berkuatkuasa. Penyelidikan ini dilakukan bertujuan mengkaji pelaksanaan mediasi Sulh yang dilaksanakan di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan (Malaysia) dan Mahkamah Syar'iyah Bireuen Aceh (Indonesia). Pengumpulan data penyelidikan ini dilakukan secara kepustakaan, dokumentasi dan temubual pihak berkaitan. Penyelidikan dilakukan melalui metodologi kualitatif terhadap pelaksanaan Mediasi Sulh. Penyelidikan mendapati bahawa tujuan pelaksanaan proses Mediasi Sulh di Malaysia dan Indonesia adalah berpaksikan kepada perbincangan pihak-pihak bagi memudahkan proses perbalahan hak yang dituntut dan didakwa. Mediasi Sulh merupakan alternatif terbaik bagi mengatur sesuatu dakwaan yang dituntut di peringkat pengadilan bagi mendapatkan penghakiman. Penyelidikan mencadangkan pemeraksanaan Mediasi Sulh dilakukan secara lebih tersusun berdasarkan peruntukan yang sedia ada. Kompetensi Pegawai Sulh diperlu diperkasakan melalui latihan yang berterusan termasuk pertukaran pandangan bersama agensi daripada luar negara.

Kata Kunci: *Sulh, Mediasi, Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan, Mahkamah Syar'iyah Bireuen Aceh*

Pendahuluan

Mediasi Sulh merupakan salah satu daripada kaedah penyelesaian pertikaian yang ditawarkan dalam agama Islam dan proses ini tidak asing lagi bagi umat Islam kerana sering kali dicatatkan penggunaannya di dalam sorotan sirah perkembangan agama Islam dari dulu hingga kini (Mohd Sabri & Abdul Hamid, 2020). Pendekatan Mediasi Sulh merupakan penyelesaian pertikaian antara pihak-pihak di mahkamah secara sederhana, cepat dan jimat kos (Netty Herawati, 2011). Di Indonesia, proses penyelesaian pertikaian melalui Mediasi Sulh atau '*Alternative dispute resolution*' (ADR) bukanlah sesuatu yang baru dalam nilai-nilai budaya bangsa, kerana jiwa dan sifat masyarakat Indonesia dikenali dengan sifat kekeluargaan dan kooperatif dalam menyelesaikan masalah (Rika Lestari, SH., M.Hum, 2013). Malah di Malaysia, mediasi sulh juga telah menjadi satu perkhidmatan di Mahkamah Syariah sebagai alternatif kepada proses perbicaraan sejak tahun 2002 (Wan Adnan et al., 2022). Sememangnya, Malaysia dan Indonesia mempunyai kaedah yang sama bagi penyelesaian kes pihak-pihak yang bertikai iaitu melalui penyelesaian Mediasi Sulh. Tambahan lagi, pelaksanaan Mediasi Sulh di mahkamah syariah adalah bertujuan mempercepatkan perbicaraan kes mal di mahkamah syariah, untuk mengurangkan kes-kes yang tertangguh dan untuk menyelesaikan pertikaian pihak-pihak yang terlibat secara harmoni dan dalam suasana kekeluargaan (Dahlan et al., 2017). Keberkesanan pelaksanaan mediasi sulh di mahkamah Syariah di seluruh Malaysia dapat diperolehi melalui peratusan yang tinggi kes berjaya diselesaikan (Saifuddin et al., 2023). Oleh yang demikian, makalah ini melihat kepada proses pelaksanaan mediasi Sulh di Malaysia melalui peranan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan (JKSNS) dan Mahkamah Syar'iyah Bireuen Aceh (Indonesia).

Metodologi dan Reka Bentuk Penyelidikan

Objektif penyelidikan ini adalah mengkaji pelaksanaan proses mediasi sulh yang dijalankan di Malaysia dan Indonesia daripada aspek undang-undang kekeluargaan Syariah. Skop penyelidikan adalah mengkhususkan kepada implimentasi di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan (Malaysia) dan Mahkamah Syar'iyah Bireuen Aceh (Indonesia). Pengumpulan data penyelidikan ini dilakukan secara kepustakaan, dokumentasi dan temubual bersama pihak yang berautoriti. Temubual dilakukan untuk mendapatkan maklumat terkini pelaksanaan mediasi sulh di kedua-dua negara. Dokumentasi yang diperolehi daripada pihak berautoriti telah dianalisis bagi mendapatkan dapatan yang relevan berdasarkan maklumat dan penjelasan informan berdasarkan sub isu yang dibangkitkan terhadap masalah kajian. Penyelidikan dilakukan melalui pelaksanaan metodologi kualitatif terhadap fungsi dan peranan mediasi sulh di Malaysia dan Indonesia. Proses penyelidikan dilakukan secara berstruktur dan jadual berkaitan dimasukkan bagi memastikan dapatan kajian adalah relevan.

Sulh Menurut Perspektif Perundangan Islam

Sulh dari sudut bahasa diertikan sebagai sesuatu yang mendatangkan kebaikan dan perdamaian dan kata lawannya ialah permusuhan dan persengketaan. Ibnu Manzur (1990) menyatakan sulh merupakan kata nama daripada al-musalahah yang bererti damai dan perkataan lawannya ialah *al-mukhasamah* iaitu saling bertikai atau permusuhan. Dari istilah syarak pula Sulh bermaksud "suatu aqad yang dengannya tamat sesuatu pertikaian. atau "suatu aqad yang menghasilkan suatu persetujuan (kompromi) dan menghilangkan persengketaan. Fuqaha mazhab Syafie mentakrifkan sulh sebagai akad yang menyelesaikan pertikaian. Manakala fuqaha Hambali mentakrifkan sulh sebagai akad yang membawa kepada persetujuan bersama antara dua pihak yang bertikai. Sulh juga disebutkan dengan terma mediasi. Mediasi boleh didefinisikan sebagai "proses di mana satu pihak (pihak ketiga atau mediator) membantu dua pihak yang bertikai antara satu sama lain berunding dan mencapai penyelesaian secara damai". Ini bermakna mediasi merupakan 'perundingan secara terpinpin' (*assisted negotiation*) secara langsung kepada pihak-pihak yang bertikai oleh mediator.

Islam sememangnya menggalakkan amalan Sulh berdasarkan sifatnya yang mengutamakan perdamaian. Terdapat dalil-dalil yang jelas dalam al-Quran, al-Hadith dan pendapat fuqaha' yang menyeru ke arah pelaksanaan Sulh. Al-Quran secara nyata menganjurkan perdamaian. Firman Allah S.W.T:

Terjemahan: Dan jika dua puak dari orang-orang yang beriman berperang, maka damaikanlah di antara keduanya.

(Al-Quran. Surah Al-Hujurat, 49:9)

Terjemahan: Dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul dari suaminya "nusyuz" (kebencian), atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian diantara mereka berdua (secara yang sebaik-baiknya), kerana perdamaian itu lebih baik (bagi mereka daripada bercerai-berai).

(Al-Quran. Surah An-Nisa`, 4:128)

Rasulullah S.A.W juga sangat menggalakkan supaya berusaha mencari jalan perdamaian dan mengelakkan sebarang pertikaian sesama umat. Peristiwa Rasulullah S.A.W menyelesaikan pertikaian di antara pembesar-pembesar Quraysh mengenai hak untuk meletakkan *Hajr al-Aswad* membuktikan bahawa amalan Sulh ini adalah sebenarnya yang dianjurkan oleh Islam. Baginda Nabi SAW sendiri menggalakkan penyelesaian pertelingkahan secara Sulh walaupun Baginda sendiri mempunyai otoriti untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan melalui kuasa yang ada pada Baginda. Rasulullah SAW juga menunjukkan kecenderungannya kepada penyelesaian secara Sulh melalui hadith yang diriwayatkan oleh Ummu Salamah, yang bermaksud:

Terjemahan: Saya hanya seorang manusia biasa dan kamu membawa kepada saya pertikaian antara kamu. Andainya satu pihak antara kamu mengemukakan tuntutan dengan cara yang lebih menarik dan pihak lain sehingga saya memberi keputusan yang tidak benar kepada pihak itu, iaitu memberi hak satu saudara ke saudara yang lain, ia harus tidak menerimanya sebab itu adalah sebahagian dari neraka.

(Sahih al-Bukhari)

Hadith ini dengan jelas membuktikan bahawa Rasulullah lebih menyukai penyelesaian pertikaian yang di buat secara sukarela sesama pihak bertikai daripada membuat keputusan melalui kaedah perbicaraan. Dalam Hadith yang lain Nabi S.A.W juga bersabda:

Terjemahan: Perdamaian (Sulh itu diharuskan antara kaum Muslimin, kecuali sulh dalam hal mengharamkan sesuatu yang halal dan menghalalkan sesuatu yang haram.

(Hadis Riwayat at-Timizi)

Pelaksanaan Sulh di Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia

Sistem kehakiman di Malaysia secara umumnya mempunyai sistem dwi undang-undang iaitu undang-undang sivil dan undang-undang syariah berdasarkan peruntukan yang terdapat dalam Perkara 121 (1) dan (1A) Perlembagaan Persekutuan. Kedua-dua sistem ini berbeza dari segi bidangkuasa, penggubal undang-undang, pelaksana, skop undang-undang dan sebagainya. Walaubagaimanapun, kaedah pelaksanaan kedua-dua sistem ini tidak banyak berbeza dari segi prosedur dan cara penyelesaian kes. Selain daripada penyelesaian kes secara perbicaraan di dalam dewan Mahkamah, kedua-dua sistem ini juga mengiktiraf penyelesaian secara perundingan dipimpin oleh pegawai mahkamah. Di mahkamah sivil, penyelesaian secara mediasi digunakan sebagai kaedah alternatif manakala di Mahkamah Syariah kaedah penyelesaian alternatif yang digunakan ialah Sulh. Sebagaimana institusi kehakiman, kaedah penyelesaian pertikaian alternatif secara mediasi ini juga telah lama bertapak di Malaysia sebagai merujuk kes *Ramah lawan Laton* [1927] 6 FMSLR 128 yang berkaitan dengan tuntutan harta sepencarian. Dalam kes ini, Kadi telah menyatakan bahawa kes ini telah berjaya diselesaikan melalui sulh atau mediasi. Hal ini menunjukkan bahawa selain mahkamah, kaedah penyelesaian pertikaian alternatif juga berkesan untuk menyelesaikan pertikaian sejak dahulu lagi (Nasrul & Mohd Alam Shah, 2024).

Hakikatnya, penyelesaian kes melalui kaedah alternatif ini membawa banyak manfaat dan kelebihan terutama dari segi tempoh masa penyelesaian kes. Proses untuk mendapatkan resolusi adalah lebih cepat berbanding dengan prosiding mahkamah (Mnookin, 1998). Tidak hairanlah penyelesaian kes secara kaedah alternatif semakin menjadi pilihan pihak-pihak bertikai yang masih boleh berunding. Kelebihan lainnya, proses pelaksanaan mediasi atau kaedah alternatif ini bersifat tidak terlalu rasmi menjadikan pihak-pihak lebih berani bersuara memberi pandangan mereka. Pihak-pihak juga tidak perlu menyediakan kertas kausa sebagaimana yang berlaku di dalam perbicaraan. Selain itu, resolusi yang terhasil daripada kaedah kedua ini lebih menepati kepentingan dan kehendak pihak-pihak khususnya kes yang melibatkan pertikaian sivil (Mohd. Husni, 2023).

Pelaksanaan Sulh secara khusus di Mahkamah Syariah telah lama bertapak di Malaysia. Pelaksanaan dilakukan secara tersusun dan teratur berdasarkan kehendak pentadbiran untuk memastikan keberkesanan peranan mahkamah syariah. Pada awal 1990-an, Mahkamah Syariah Malaysia sering dikritik dan ditekan oleh kerajaan, NGO dan masyarakat sebagai tidak cekap dan menunjukkan kelewatan dalam mengendalikan kes. Pada 13 Julai 2000, satu mesyuarat telah diadakan untuk mengatasi isu kelewatan dan tunggakan kes-kes di Mahkamah Syariah. Mesyuarat tersebut telah memutuskan bahawa Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) perlu membuat permohonan rasmi kepada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) untuk penubuhan Unit Sulh sebagai projek perintis di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (MSWP) (Mohamad, 2003). Berdasarkan keputusan tersebut, satu Jawatankuasa khas telah dibentuk oleh JKSM sebagai inisiatif untuk menubuhkan Unit Sulh di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Bermula pada Julai 2001, sulh telah ditubuhkan secara rasmi dalam pentadbiran Mahkamah Syariah. Pelaksanaan Sulh dilaksanakan sebagai projek perintis bermula di Mahkamah Syariah Wilayah-wilayah Persekutuan bermula Julai 2001 sebagaimana yang telah diputuskan di dalam Mesyuarat Ketua-ketua Hakim kali ke 19 yang telah bersidang pada 28 Jun 2001. Asas undang-undang bagi pewujudan sulh ini adalah merujuk kepada Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1998 yang memperuntukkan seperti berikut:

“Pihak-pihak dalam apa-apa prosiding boleh pada mana-mana peringkat prosiding itu, mengadakan sulh untuk menyelesaikan pertikaian mereka mengikut apa-apa kaedah yang ditetapkan atau, jika tiada kaedah sedemikian mengikut Hukum Syarak”.

Selain daripada itu, telah diperuntukkan bahawa Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah Syariah boleh membuat peraturan dan prosedur untuk sulh sebagaimana berikut:

Jawatankuasa Kaedah-Kaedah Mahkamah Syariah boleh membuat kaedah-kaedah, yang hendaklah disiarkan dalam Warta, bagi menjalankan peruntukan Akta ini, dan khususnya, tetapi tanpa menjejaskan keluasan peruntukan yang terdahulu, kaedah-kaedah itu boleh membuat peruntukan bagi:

(c) tatacara mengenai sulh;

Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (Sulh) Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2004 kemudiannya diwartakan dan dilaksanakan di dalam Wilayah Persekutuan. Selepas pelaksanaan program rintis di MSWP, pelaksanaan sulh telah diperluaskan ke negeri-negeri lain di Malaysia secara beransur-ansur melalui Arahan Amalan No. 3 Tahun 2002 daripada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia. Selangor merupakan negeri pertama yang memulakan penubuhan sulh pada tahun 2002. Pelaksanaan sulh di Mahkamah Syariah Selangor adalah dikawal selia oleh Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (Sulh) Mahkamah Syariah Selangor 2001.

Sulh di Mahkamah Syariah Malaysia bertujuan untuk mempercepatkan perbicaraan kes sivil di mahkamah Syariah, menyelesaikan pihak-pihak pertikaian secara baik dan untuk mengurangkan tunggakan kes (Sa'odah & Nora, 2010). Unit sulh yang terdapat di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia adalah merupakan sebahagian daripada usaha untuk menyelesaikan pertikaian secara damai dalam konteks undang-undang Islam. Sulh merupakan salah satu kaedah yang lazimnya menjadi pilihan dalam menyelesaikan pertikaian isu kekeluargaan kerana ia melibatkan proses perundingan dipimpin dengan memberi peluang kepada pihak-pihak bertikai mencapai persetujuan bersama secara kerelaan sendiri tanpa campur tangan daripada pihak ketiga (Yaakob et al., 2016). Selain dari itu proses yang tidak formal dan fleksibel ini akan membolehkan pihak-pihak berkonflik menyertai perbincangan dan perundingan sepenuhnya tanpa sebarang paksaan (Mohd Salleh, 2006). Sulh di Mahkamah Syariah Malaysia adalah satu pendekatan proaktif untuk menyelesaikan pertikaian dalam masyarakat Islam. Ia menekankan kesukarelawanan, keadilan dan nilai-nilai agama. Proses ini melibatkan perundingan antara pihak yang bersengketa di hadapan pegawai Sulh sebagai mediator. Matlamatnya adalah mencapai penyelesaian yang adil, berkekal, dan berasaskan nilai-nilai Islam tanpa sebarang paksaan.

Perkhidmatan Sulh yang diwujudkan di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia mula diperkenalkan sejak tahun 2001 dan Mahkamah Syariah Selangor telah mengambil inisiatif melaksanakan sulh negeri tersebut dan kemudiannya disusuli oleh negeri-negeri lain di Malaysia. Beberapa usaha bagi memastikan kelancaran perkhidmatan Sulh ini, maka suatu kaedah yang dinamakan sebagai Kaedah tatacara mal (sulh) juga telah diwujudkan di bawah peruntukan seksyen Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah negeri-negeri yang berperanan sebagai undang-undang bertulis bagi tujuan menentukan garis panduan pelaksanaan sulh. Pemakaian Arahan Amalan, pekeliling jabatan dan manual kerja Sulh juga turut digunapakai dalam pelaksanaan sulh bagi tujuan penyelarasan dan melicinkan pengurusan kes. Kewujudan Manual Kerja Sulh yang memberikan garis panduan secara seragam kepada pegawai sulh di mahkamah syariah di seluruh Malaysia seperti diperuntukkan dalam Kaedah Tatacara Mal (Sulh). Melalui manual kerja sulh ini, ianya dapat dijadikan panduan kepada pegawai sulh dalam mengendalikan sesi sulh daripada permulaan sesi sehingga akhirnya secara sistematik. Perkembangan positif Mahkamah Syariah di Malaysia memperkenalkan sulh sebagai pendekatan penyelesaian tuntutan secara damai yang murah dan ringkas telah mendapat sambutan yang baik dari masyarakat (Ridzuan, 2009). Sulh merupakan kaedah alternatif penyelesaian pertikaian yang efektif. Ia dilihat sebagai satu pendekatan yang lebih baik berbanding proses perbicaraan, mediasi, dan timbangtara. Matlamat utamanya adalah untuk mencapai penyelesaian yang dapat diterima oleh semua pihak dengan cara yang lebih konstruktif dan harmoni.

Pegawai Sulh memainkan peranan penting dalam pelaksanaan sulh penyelesaian pertikaian di mahkamah syariah. Pengetahuan dan pengalaman seseorang pegawai sulh akan mempengaruhi perjalanan dan kejayaan Majlis Sulh. Ini adalah kerana, pegawai Sulh hendaklah bersifat neutral bagi mencari persepakatan menyelesaikan pertelingkahan antara pihak-pihak dengan melihat kepada fakta-fakta material dalam sesuatu kes (Nora Abdul Hak et al., 2011). Oleh itu, bagi memastikan agar perjalanan dan kejayaan Majlis Sulh tersebut terlaksana, maka Pegawai-pegawai Sulh yang ditempatkan di mahkamah Syariah seluruh Malaysia telah disediakan dan dibekalkan dengan ilmu pengetahuan dan latihan yang secukupnya. Modul latihan secara berkala yang ditetapkan oleh Bahagian Latihan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia juga telah disediakan bagi memastikan kemahiran pegawai-pegawai Sulh dapat dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Antara modul latihan yang telah disediakan kepada pegawai-pegawai sulh ini antaranya ialah Kursus Asas Pegawai Sulh, kursus pertengahan dan kursus lanjutan pegawai Sulh. Selain daripada itu kursus yang melibatkan pensijilan yang diiktiraf seperti

kursus NLP, Kursus Pensijilan Mediasi, Kursus *Accord Group*, Kursus Bahasa Badan bagi meningkatkan kompetensi pegawai-pegawai Sulh dilapangan.

Pegawai-pegawai Sulh juga turut didedahkan dengan program-program seperti Muhakat Sulh yang melibatkan masyarakat agar mereka memahami kepentingan Majlis Sulh dan perjalanan sulh yang dipraktikkan di Mahkamah Syariah. Muzakarah Pegawai Sulh seluruh Malaysia yang merupakan aktiviti tahunan yang bertujuan bagi membincangkan isu-isu berhubung dengan perkembangan kerjaya dan kemahiran Pegawai Sulh serta hala tuju Unit Sulh juga diperbincangkan dalam muzakarah ini agar Unit Sulh yang terdapat di Mahkamah Syariah di seluruh Malaysia terus relevan. Program-program yang telah dirancang dan dilaksanakan oleh Bahagian Latihan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah berjaya meningkatkan kompetensi pegawai-pegawai Sulh dan ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya penguasaan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan serta kesediaan meningkatkan tahap kompetensi diri untuk mengendalikan majlis sulh yang diperlu oleh pegawai sulh. Setakat ini jumlah pegawai-pegawai Sulh yang ditempatkan di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia adalah seramai 90 orang yang terdiri daripada 60 orang pegawai-pegawai Sulh dari kalangan lelaki dan 30 orang daripada kalangan pegawai-pegawai perempuan. Berikut adalah jumlah penempatan pegawai-pegawai mengikut negeri:

Jadual 1. Bilangan Pegawai Sulh di Malaysia

Bil	Negeri	Lelaki	Perempuan	Jumlah
1.	Johor	2	3	5
2.	Melaka	4	0	4
3.	Negeri Sembilan	3	3	6
4.	Selangor	10	4	14
5.	Wilayah Persekutuan	5	4	9
6.	Perak	3	5	8
7.	Pulau Pinang	5	1	6
8.	Kedah	5	1	6
9.	Perlis	0	1	1
10.	Terengganu	5	0	5
11.	Pahang	1	1	2
12.	Kelantan	5	4	9
13.	Sabah	9	1	10
14.	Sarawak	2	5	7
	Jumlah Keseluruhan	59	33	92

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia sehingga 25 Mac 2024

Pelaksanaan Sulh di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan

Di Malaysia, khususnya di Negeri Sembilan, Sulh Mahkamah Syariah merupakan satu mekanisme penting dalam sistem perundangan Islam untuk menyelesaikan pertikaian seperti kes perceraian, harta sepencarian, nafkah dan isu keluarga secara aman dan adil. Proses Sulh Mahkamah Syariah bermula apabila pihak yang berkonflik dirujuk kepada Pegawai Sulh Mahkamah Syariah yang berkeelayakan yang dilantik oleh Ketua Hakim Syarie berdasarkan Kaedah-Kaedah Tatacara Sulh Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2016 sebagaimana dinyatakan oleh Kamal Bashah (2024). Pegawai Sulh membantu merundingkan penyelesaian secara kekeluargaan, di mana mediator akan cuba mendamaikan pihak-pihak berkenaan berdasarkan prinsip-prinsip syarak dan mengambil kira kepentingan kedua-dua pihak. Di Negeri Sembilan, yang terkenal dengan adat perpatih, proses sulh turut memperhatikan adat tempatan di samping mengikuti prosedur perundangan Islam dengan matlamat utama mencapai perdamaian, menyelesaikan perselisihan dengan cara yang paling baik dan mengekalkan hubungan sosial yang harmoni dalam masyarakat. Unit Sulh di Jabatan Kehakiman Syariah telah ditubuhkan pada 1 September 2006.

Di Negeri Sembilan, pegawai Sulh terdiri daripada pegawai berlayatan LS41, yang merupakan peringkat permulaan dalam kerjaya pegawai syariah. Jawatan ini tergolong dalam kumpulan pengurusan dan profesional, dengan kriteria kelayakan akademik yang khusus. Untuk menjadi pegawai syariah, calon dikehendaki memiliki salah satu daripada kelayakan berikut iaitu Ijazah Sarjana Muda Syariah Dan Undang-Undang Dengan Kepujian, atau Ijazah Sarjana Muda Kepujian Syariah, atau Ijazah Sarjana Muda Pengajian Islam (Syariah). Selain itu, calon turut perlu mempunyai Diploma Lanjutan Undang-Undang Dan Pentadbiran Kehakiman Islam, yang disahkan melalui Portal Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Perkara ini menunjukkan bahawa kelayakan akademik adalah perkara yang diberikan kepentingan untuk nilai kompetensi. Perkara ini juga menunjukkan integriti yang tinggi dan mempunyai keupayaan untuk menjalankan proses sulh secara profesional dan berkesan sesuai dengan keperluan Mahkamah Syariah di Negeri Sembilan sebagaimana dinyatakan oleh Kamal Bashah (2024). Berikut merupakan statistik kes Sulh di Negeri Sembilan daripada tahun 2020 sehingga 2023.

Jadual 2. Statistik Sulh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan (Tahun 2020-2023)

Tahun	Daftar	Selesai - Berjaya	Selesai - Gagal	Selesai - Tidak Hadir	Jumlah Selesai
2020	1086	559	182	345	1086
2021	863	469	174	220	854
2022	1021	571	197	253	1021
2023 (Jan - Jun)	662	291	132	176	606
	3632	1090	685	994	3567

Sumber: Unit Sulh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan

Pegawai *sulh* di Mahkamah Syariah merupakan pegawai kumpulan pengurusan dan profesional. (Ruzita *et. al.*, 2022). Kompetensi dan latihan yang berterusan terhadap pegawai Sulh dijadikan keutamaan oleh pihak JKSNS dan juga JKSM sebagaimana dinyatakan oleh Norul Aina binti Bahari (2024). Pegawai Sulh di JKSNS yang telah menghadiri kursus secara khusus berkenaan dengan mediasi adalah sebagaimana jadual berikut:

Jadual 3. Kehadiran Pegawai *Sulh* JKSNS Kursus Mediasi/*Sulh*

Bil	Pegawai <i>Sulh</i> Mahkamah	Bil. Pegawai	Bil. Menghadiri Khusus Mediasi/ <i>Sulh</i>
1	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan Ibu Pejabat	6 Orang (1 orang ditempatkan secara pentadbiran di Mahkamah Rendah Syariah)	5 Pegawai
2	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Jempol	1	-
3	Mahkamah Rendah Syariah Daerah Tampin	1	-
		8	5

Sumber: Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan (sehingga 4/6/2024)

Berdasarkan jumlah keseluruhan pegawai *sulh* di Negeri Sembilan yang diisi sehingga 1 November 2024 maka lima (5) daripada lapan (8) orang pegawai *sulh* telah menghadiri kursus mediasi bagi tujuan kompetensi pegawai. Empat (4) daripada lima (5) yang menghadiri kursus adalah menghadiri kursus anjuran Malaysian International Mediation Centre (MICM) manakala seorang lagi mengambil kursus mediasi anjuran The Accord Group Australia.

Sejarah Pelaksanaan *Alternative Dispute Resolution* (ADR) di Indonesia

Aplikasi kaedah penyelesaian kes secara alternatif atau *alternative dispute resolution* (ADR) khususnya penggunaan kaedah mediasi telah lama dilaksanakan di Indonesia. Kaedah penyelesaian kes melalui mediasi telah wujud sejak turun temurun melalui sistem adat yang wujud dalam setiap kaum dan suku di Indonesia. Dalam sistem adat di Indonesia, wujud Lembaga Adat yang diketuai oleh seorang ketua yang turut berperanan sebagai orang tengah yang menyelesaikan sesuatu isu atau sengketa di kalangan masyarakat di dalam komuniti mereka. Menurut Rachmadi Usman (2003) penyelesaian sengketa yang dilakukan melalui perdamaian desa, pada kebiasaannya pihak yang bertindak sebagai hakim bagi tujuan perdamaian tersebut adalah kepala adat atau kepala rakyat, yang juga merupakan tokoh adat dan agama. Manakala menurut Soepomo (1984) Kepala Adat atau Kepala Rakyat bukan sahaja bertanggungjawab untuk menyelenggarakan segala hal yang berkaitan tata usaha badan persekutuan, juga bukan sahaja berperanan memelihara keperluan rumah tangga persekutuan, seperti urusan jalan-jalan desa, *gawe* desa, pengairan, *lumbang* desa, urusan tanah yang dikuasai oleh hak pertuanan desa, dan sebagainya, bahkan Kepala Adat atau Kepala Rakyat juga berperanan dalam menangani dan menyelesaikan soal-soal perkawinan, soal warisan soal pemeliharaan anak yatim dan sebagainya.

Di dalam sistem adat yang beragam di seluruh Indonesia hasil kepelbagaian suku kaum, wilayah dan provinsi, terdapat pelbagai kaedah penyelesaian sengketa yang dipraktikkan melalui sistem adat masing-masing. Sebagai contoh, penyelesaian sengketa dalam masyarakat Daya Taman (Kalimantan Barat) melalui sebuah institusi yang dinamakan “Lembaga Musyawarah Kombong”. Di Bali pula terdapat institusi Desa Adat, yang memiliki peranan penting dalam *sangkepan* (rapat) Desa Adat, iaitu forum yang membahas masalah-masalah tertentu yang sedang dihadapi masyarakat desa secara musyawarah. Amalan mediasi di Sulawesi Selatan pula, peranan dalam proses penyelesaian sengketa sesuatu kes tidak hanya diletakkan kepada seorang kepala masyarakat hukum atau kepala desa sahaja, tetapi terdapat juga lembaga-lembaga lain seperti rapat koordinasi suatu instansi pemerintah, lembaga-lembaga pada pemerintahan kelurahan/ desa, seperti Lembaga Ketahanan Masyarakat Desa (LKMD), ketua kelompok tani, perseorangan, keluarga, teman sejawat, atau kombinasi dari unsur-unsur tersebut dengan kepala desa yang turut menjalankan fungsi sebagai mediator atau wasit.

Di Papua, pihak yang bertanggungjawab melaksanakan peradilan adat di Papua adalah *Ondoafi* atau *Ondofolo*. Bagi masyarakat Batak Karo pula, penyelesaian sengketa dibuat melalui *runggun*. Amalan di Maluku Tengah pula, proses untuk menuntut hak mewaris atas “tanah dati”, hendaklah diajukan oleh kedua belah pihak kepada Kepala Desa yang akan bertindak sebagai mediator dalam menyelesaikan tuntutan tersebut. Di Minangkabau, penyelesaian sengketa dilakukan oleh mamak kepala waris pada tingkatan rumah gadang. Mamak kepala waris yang bertindak sebagai mediator mempunyai bidangkuasa untuk memberikan perintah atas perkara yang dibawa di hadapannya. Di Lombok Barat, dalam masyarakat suku Sasak, proses penyelesaian sengketa yang dilakukan oleh orang-orang atau kelompok orang yang memiliki pengaruh secara sosial yang dikenali dengan panggilan “*kerama gubuk*”. Dalam adat Aceh penyelesaian sengketa dapat dilakukan dengan menggunakan *Dong Teungoh* (penengah) biasanya mereka adalah para tokoh adat, tokoh masyarakat atau aparat desa. Penyelesaian sengketa dalam masyarakat Banjar pula dilakukan melalui *adat badamai* merupakan salah satu bentuk penyelesaian sengketa yang lazim dilakukan oleh masyarakat Banjar. Semasa di bawah pemerintahan Belanda terdapat sebuah undang-undang yang digubal untuk memperuntukan peraturan berkaitan penyelesaian sengketa di antara warga masyarakat adat iaitu *Reglement op de Rechterlijke Organisatie en het Beleid der Justitie* (Peraturan Susunan Pengadilan dan Kebijakan Justisi) [RO (S. 1933 No. 102)]. Fasal 3a RO (S. 1933 No. 102) memperuntukan bahawa perselisihan antara warga masyarakat adat perlu diselesaikan melalui jalan perundingan oleh hakim perdamaian desa.

Pada masa Kolonial Belanda pengaturan penyelesaian sengketa melalui upaya damai lebih banyak ditujukan pada proses damai di lingkungan peradilan, sedangkan penyelesaian sengketa di luar pengadilan, Kolonial Belanda cenderung memberikan kesempatan pada hukum adat. Belanda menyakini bahwa hukum adat mampu menyelesaikan sengketa kaum pribumi secara damai, tanpa memerlukan intervensi pihak penguasa Kolonial Belanda. Hukum adat adalah hukum yang hidup living law dan keberadannya menyatu dengan masyarakat pribumi. Pada masa Kolonial Belanda penyelesaian sengketa melalui proses damai diatur dalam Pasal 130 HIR (Het Herziene Indonesisch Reglement), Staatblad 1941 : 44 atau Pasal 154 R.Bg (Rechtsreglement Buitengewesten), Staatsblad, 1927 : 27 atau

Pasal 31 Rv (Reglement op de Rechtsvordering), Staatsblad 1874 : 52. Disebutkan bahwa hakim atau majelis hakim akan mengusahakan perdamaian sebelum perkara diputuskan. Ketentuan dalam Pasal 130 HIR dan 154 RBg, menggambarkan bahwa penyelesaian sengketa melalui jalur damai merupakan bagian dari proses penyelesaian sengketa di pengadilan

Mahkamah Agung mengeluarkan PERMA No. 1 Tahun 2016 tentang prosedur Mediasi di Pengadilan. Kehadiran PERMA No. 1 Tahun 2016 dimaksudkan untuk memberikan kepastian, ketertiban, kelancaran dalam proses mendamaikan para pihak untuk menyelesaikan suatu sengketa perdata. Hal ini dapat dilakukan dengan mengintensifkan dan mengintegrasikan proses mediasi kedalam prosedur berperkara di Pengadilan. Mediasi mendapat kedudukan penting dalam PERMA No. 1 Tahun 2016, karena proses mediasi merupakan bagian yang tidak terpisahkan dari proses berperkara di Pengadilan. Pasal 4 ayat 1 PERMA No. 1 Tahun 2016 menentukan perkara yang wajib menempuh mediasi adalah semua sengketa perdata yang diajukan ke Pengadilan. Perdamaian terhadap perkara dalam proses banding (rayuan), kasasi atau peninjauan kembali dilaksanakan di pengadilan yang mengadili perkara tersebut pada tingkat pertama atau ditempat lain atas persetujuan para pihak. Para pihak melalui ketua pengadilan tingkat pertama dapat mengajukan kesepakatan perdamaian secara tertulis kepada majelis hakim tingkat banding, kasasi atau peninjauan kembali untuk dikuatkan dalam bentuk akta perdamaian. Menurut Zulzaidi Mahmod et. al (2024) bahawa di Aceh, ADR bukan perkara baru, tetapi telah diamalkan secara turun temurun melalui Lembaga Adat yang ada di Aceh. Kuasa Lembaga Adat menyelesaikan sengketa telah termaktub dalam Qanun Nomor 9 Tahun 2008 tentang Pembinaan Kehidupan Adat dan Adat Istiadat dan Keputusan Bersama (SKB) antara Gabenor Aceh dengan Kepolisian Daerah (Polda) Aceh dan Majelis Adat Nomor 189/677/2011 bertarikh 20 Disember 2011 tentang Penyelenggaraan Peradilan Adat Gampoeng dan Mukim.

Pelaksanaan Mediasi di Mahkamah Syar'iiyah Bireuen Aceh Indonesia

Mediasi adalah proses penyelesaian pertikaian melalui perundingan untuk memperoleh kesepakatan antara pihak-pihak yang bertikai dengan dibantu oleh mediator, sebagaimana ditetapkan dalam Peraturan Mahkamah Agung (Perma) Republik Indonesia Nomor 01 Tahun 2008 bertarikh 31 Julai 2008. Di Aceh, semua kes yang didaftarkan di Mahkamah Syariah hendaklah melalui proses mediasi terlebih dahulu. Sekiranya proses mediasi ini telah dilaksanakan tetapi masih tiada penyelesaian diantara dua pihak yang bertikai tersebut, maka pertikaian tersebut akan diputuskan melalui keputusan hakim. Majelis Hakim akan melaksanakan satu proses pemeriksaan bagi menentukan sesuatu kes perlu melalui proses mediasi atau tidak. Majelis tersebut perlulah dihadiri oleh kedua pihak yang bertikai. Hakim hendaklah menjelaskan kepada pihak-pihak mengenai keharusan melalui proses mediasi yang dibantu oleh mediator terlatih. Hakim menawarkan kepada pihak-pihak untuk memilih mediator dari senarai mediator berdaftar yang disediakan atau mempunyai pilihan mediator sendiri. Terdapat dua kategori mediator iaitu Mediator Hakim atau Mediator non Hakim. Mediator Hakim adalah Hakim yang ditugaskan sebagai mediator bagi kes-kes yang didaftarkan di Mahkamah. Manakala Mediator non Hakim merupakan seseorang yang mempunyai sijil mediator yang bersifat neutral untuk menjalankan proses mediasi diantara pihak-pihak. Maka disini, pihak-pihak tidak terikat dengan pemilihan mediator untuk menjalankan sesi perundingan tersebut.

Setelah pihak-pihak bersetuju dengan pemilihan mediator, hakim akan memberi satu tarikh bagi menjalankan proses mediasi. Dalam tempoh 5 hari setelah pemilihan mediator, pihak-pihak perlu menyerahkan tuntutan tersebut kepada mediator yang dilantik. Tempoh proses mediasi ini boleh dijalankan selama maksimum 30 hari. Sekiranya memerlukan penganjutan tempoh, pihak-pihak boleh membuat permohonan tersebut kepada hakim beserta alasan yang wajar. Kebiasaannya, proses mediasi dilakukan maksimum sebanyak dua kali. Proses mediasi ini akan dijalankan di ruang khusus Mahkamah Syar'iiyah tersebut. Apabila proses mediasi telah dilaksanakan, Hakim akan melihat hasil proses mediasi bagi menentukan masa ada pertikaian tersebut perlu diselesaikan melalui keputusan hakim atau sudah diselesaikan dalam proses mediasi. Semestinya hasil persetujuan proses mediasi tersebut tidak mengikat pihak-pihak dengan penyata tuntutan. Tambahan lagi, isu yang tidak disenaraikan dalam penyata tuntutan juga boleh dibincangkan dan diselesaikan dalam proses mediasi. Malah, demi membantu pihak-pihak membuat keputusan, mediator boleh menjemput pihak ketiga bagi membantu pihak-pihak mendapat satu penyelesaian dalam proses mediasi ini.

Di setiap proses mediasi semestinya ada hasil dan hasil mediasi ini boleh mencapai persetujuan samaada mencapai persetujuan sebahagian atau gagal. Bagi proses mediasi mencapai persetujuan, pihak-pihak yang dibantu oleh Mediator wajib merumuskan persetujuan tersebut secara bertulis yang dijadikan perjanjian persetujuan serta menandatangani perjanjian persetujuan tersebut. Perjanjian persetujuan tersebut hendaklah diendorskan oleh Hakim agar dikuatkuasakan dalam Akta Pendamaian. Sekiranya pihak-pihak tidak setuju untuk tidak dikuatkuasakan perjanjian persetujuan tersebut dalam Akta Pendamaian, maka perjanjian persetujuan tersebut hendaklah ditarik balik. Bagi proses mediasi mencapai persetujuan sebahagian sahaja, mediator hendaklah melaporkan perkara yang mencapai persetujuan tersebut kepada hakim dan bagi perkara yang tidak mencapai persetujuan hendaklah dibicarakan dan diputuskan oleh hakim. Manakala bagi proses mediasi gagal mencapai persetujuan wajib bagi mediator untuk melaporkan kepada hakim berserta alasan. Alasan tersebut hendaklah dilaporkan samada pihak-pihak tidak berjaya mencapai persetujuan dalam tempoh 30 hari atau pihak-pihak tidak memberi kerjasama yang baik.

Semestinya, bagi menyelesaikan satu pertikaian dengan lebih efisien hendaklah dilihat juga kepada peredaran zaman. Di Mahkamah Syar'iyah Bireuen Aceh ini juga telah dijalankan proses mediasi secara elektronik. Mediator akan membantu pihak-pihak menjalankan proses perundingan yang mencapai persetujuan melalui atas talian seperti menggunakan aplikasi *google meet*, *Whatsapps*, *Zoom* dan lain-lain. Mediasi secara elektronik ini hanya disarankan sekiranya pihak-pihak mempunyai persetujuan, sekiranya pihak-pihak tersebut tiada persetujuan, proses mediasi tersebut hendaklah dijalankan secara manual. Keseluruhan persetujuan pihak-pihak daripada proses mediasi secara elektronik itu akan dijadikan satu perjanjian secara bertulis oleh Mediator. Bagi proses mediasi secara elektronik ini, Mediator akan mengesahkan pihak-pihak tersebut adalah pihak-pihak yang betul dengan menanyakan kepada pihak-pihak tersebut. Mediator serta pihak-pihak juga dilarang untuk mengambil sebarang gambar atau rakaman sepanjang proses Mediasi secara elektronik itu dijalankan. Berikut merupakan statistik kes-kes di Mahkamah Syar'iyah Bireuen di bawah Aceh Indonesia yang berkait dengan mediasi sebagaimana jadual di bawah.

Jadual 4. Pendaftaran Kes di Mahkamah Syar`iyah Bireuen bagi tahun 2021-2023

No.	Tahun	Jumlah Permohonan	Jumlah Tuntutan	Jumlah Kes
1	2021	227	579	806
2	2022	576	629	1205
3	2023	188	566	754

Jadual 5. Bilangan kes-kes Mediasi bagi tahun 2021-2023

No	Tahun	Perkara Yang Dimediasi	Berjaya	Berjaya-Sebahagian	Berjaya-Tarik Balik	Gagal	Tidak Dapat Dilaksanakan
1	2021	133	2	2	-	129	-
2	2022	145	2	31	8	103	1
3	2023	135	-	52	14	62	7

Jadual 6. Peratusan Kes Mediasi Berjaya bagi tahun 2021 – 2023

No.	Tahun	Perkara Yang Dimediasi	Berjaya	Peratus
1	2021	133	4	3%
2	2022	145	41	28%
3	2023	135	66	48%

Sumber: Mahkamah Syar`iyah Bireuen

Berdasarkan jadual dalam jadual tersebut, maklumat utama tentang peratusan kes mediasi berjaya di Mahkamah Syar'iyah Bireuen dari tahun 2021 hingga 2023 adalah seperti berikut iaitu Pada tahun 2021 terdapat 133 kes mediasi dengan kadar kejayaan sebanyak 3%. Pada tahun 2022 pula, terdapat 145 kes mediasi dengan kadar kejayaan sebanyak 28%. Seterusnya, pada tahun 2023 terdapat 135 kes mediasi dengan kadar kejayaan sebanyak 48%. Peningkatan yang signifikan ini mencerminkan komitmen yang jelas oleh pihak mahkamah untuk meningkatkan keberkesanan proses mediasi dalam menyelesaikan kes-kes yang dirujuk. Perkara ini menunjukkan usaha yang gigih perlu terus mempertingkatkan keberkesanan mediasi sebagai kaedah penyelesaian pertikaian yang lebih cepat, menjimatkan kos, dan memuaskan semua pihak yang terlibat. Walau bagaimanapun, masih terdapat ruang untuk terus mempertingkatkan lagi peratus kejayaan ini melalui penambahbaikan terhadap proses, latihan mediator yang lebih baik dan penglibatan pihak yang lebih efektif.

Jenis Mediator dan Jumlah Mediator

Di Mahkamah Syar'iyah Bireuen, proses mediasi dilaksanakan oleh dua jenis mediator, iaitu Mediator Hakim dan Mediator Bukan Hakim. Mediator Hakim adalah hakim yang bertugas di mahkamah tersebut, mempunyai kuasa untuk menjalankan mediasi dalam kes yang dikendalikan, dan telah mempunyai pensijilan mediasi. Sementara itu, Mediator Bukan Hakim berasal daripada luar bidang kehakiman, seperti peguam, akademik undang-undang, tokoh masyarakat, tokoh agama, kaunselor, atau profesional lain yang mempunyai pensijilan mediasi, yang dipilih berdasarkan kemahiran dan kepakaran dalam menyelesaikan perselisihan. Kedua-dua jenis mediator ini memainkan peranan penting dalam membantu pihak-pihak yang terlibat mencapai persetujuan aman mengikut peraturan dan prosedur yang dikuatkuasakan di Mahkamah Syar'iyah Bireuen. Setiap Mediator wajib memiliki Sijil Mediator yang diperoleh setelah mengikuti dan dinyatakan lulus dalam latihan persijilan Mediator yang dianjurkan oleh Mahkamah Agung atau lembaga yang telah memperoleh akreditasi dari Mahkamah Agung. Berikut merupakan jumlah mediator di Mahkamah Syar'iyah Bireuen:

Mediator Hakim

Hakim yang diarah oleh ketua pengadilan untuk menjalankan mediasi bagi perkara yang diajukan ke pengadilan. Di Mahkamah Syar'iyah Bireuen hanya seorang sahaja Mediator Hakim yang menjalankan tugas sebagai Mediator.

Mediator Non-Hakim

Menurut Zulzaidi Mahmod et al., (2024) bahawa pelaksanaan oleh Mediator Non Hakim adalah pihak lain yang memiliki sijil mediator sebagai pihak neutral yang membantu para pihak dalam proses perundingan. Mediator Non Hakim dibayar oleh pihak-pihak dan boleh dipilih oleh pihak-pihak bagi menggunakan khidmat tersebut. Di Mahkamah Syar'iyah Bireuen terdapat 2 orang Mediator Non-Hakim yang menjalankan tugas sebagai Mediator yang dibayar oleh pihak-pihak.

Kesimpulan

Pelaksanaan Majlis Sulh merupakan perkara penting dalam sistem keadilan di Mahkamah Syariah di Malaysia kerana ianya dapat menyelesaikan kes dengan cepat dan mudah. Ruzita Ramli *et. al.*, (2020) menyatakan bahawa kes yang diselesaikan di peringkat sulh adalah lebih pendek dan menjimatkan kos berbanding kes yang diselesaikan melalui pendengaran di Mahkamah. Nora Abdul, et al., (2020) menyatakan bahawa kejayaan sulh sebagai mekanisme alternatif dalam pertikaian hanya akan dapat direalisasikan apabila pihak-pihak yang bertikai dalam pertikaian mendapat persetujuan untuk digunakan dan mematuhi keputusan yang dicapai semasa proses rundingan dalam sulh. Tempoh pelaksanaan sulh di Negeri Sembilan berpandukan kepada Kaedah-Kaedah Tatacara Sulh Mahkamah Syariah (Negeri Sembilan) 2016 adalah selama 60 hari sahaja. Mediasi Sulh merupakan satu keperluan masa masa kini di Malaysia dan seluruh dunia yang mana pelaksanaan proses ini dinamakan dengan *Anternative Dispute Resolution (ADR)* atau Penyelesaian Pertikaian Alternatif yang membantu penyelesaian kes pihak-pihak yang bertikai dalam mendapatkan hak yang dituntut berasaskan kepada peruntukan undang-undang. Pelaksanaan sulh di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan adalah dipandu dengan peruntukan undang-undang dan kaedah atau garis panduan yang jelas dan teratur. (Hasnizam et. al, 2021). Majlis sulh ini merupakan suatu proses perundingan terpimpin yang dijalankan

sesuai dengan peraturan yang diperuntukkan oleh hukum syara' dan undang-undang bagi tercapainya sulh (Mardalena Hanifah, 2020). Pelaksanaan berasaskan panduan yang teratur ini juga dilaksanakan di Mahkamah Syar'iyah Bireuen Aceh. Pelaksanaan Sulh ini di Malaysia secara tidak langsung memberi ruang kepada perjawatan di Mahkamah Syariah secara khusus terhadap kes-kes Sulh melalui peranan Pegawai Sulh. Berdasarkan perbincangan makalah ini maka dapat disimpulkan bahawa pelaksanaan Mediasi Sulh merupakan aspek penting terhadap pertelingkahan yang berlaku berkenaan dengan hak-hak yang dituntut. Walaubagaimanapun penetapan Islam lebih relevan iaitu hanya terhadap perkara yang tidak mengharamkan yang halal dan perkara yang menghalalkan yang haram. Oleh yang demikian, Pelaksanaan Mediasi Sulh ini adalah wajar dikembangkan terhadap kes-kes yang relevan dan pelaksana iaitu Pegawai Sulh di Malaysia dan Pegawai mahkamah di Indonesia perlu diberikan latihan yang berterusan bagi membentuk kompetensi pegawai agar lebih dinamik dan efisien berdasarkan peredaran perkembangan teknologi masa kini.

Penghargaan

Artikel penyelidikan ini merupakan sebahagian data penyelidikan yang telah dibiayai oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) 2024 kepada Unit Sulh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan (JKSNS) melalui peruntukan Program Lawatan Kerja Team Sulh JKSNS ke Aceh Indonesia.

Rujukan

- Abdullah, I. (2002). *Penyelesaian sengketa melalui mekanisme pranata lokal: Studi kasus dalam dimensi pluralisme hukum pada area suku Sasak di Lombok Barat* (Disertasi). Pascasarjana Fakultas Hukum Universitas Indonesia, Jakarta.
- Ahmad, S., & Abdul Hak, N. (2010). Sulh (mediation) in the state of Selangor: An analysis of legal provisions and application. *IJUM Law Journal*, 18(2), 213. <https://doi.org/10.31436/iiumlj.v18i2.23>
- al-Ramli. (1982). *Nihayah al-Muhtaj ila Syarh Majallah al-Ahkam* (Vol. 4, p. 2). Beirut: Dar al-Fikr al-Ilmiyyah.
- Azidah Yaakob, Mohammad Zaharuddin Zakaria, Asmidah Ahmad, Kamilah Wati Mohd, & Mustafa 'Afifi Ab Halim. (2016). *Pengenalan dan Keberkesanan Sulh di Mahkamah Syariah* (p. 11). Nilai: USIM Press, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Buang, S. (2002). *Kertas Kerja Kursus Mediasi Mahkamah Syariah Selangor*. Shah Alam: Hotel Quality.
- Hanifah, M. (2020). Perbandingan tugas mediator pada Pengadilan Agama Indonesia dengan Mahkamah Syariah Malaysia. *Jurnal Hukum Acara Perdata*, 6(2), 111.
- Hasnizam Bin Hashim, Maizatul Farishah Binti Mohd Mokhtar, & Norman Zakiyy Chow Jen T'chiang. (2021). Mekanisme pelaksanaan majlis sulh di Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Sembilan. *E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2021: Wawasan Kemakmuran Bersama 2030*, Universiti Sains Islam Malaysia, 451–466.
- Herawati, N. (2011). Implikasi mediasi dalam perkara perdata di pengadilan negeri terhadap asas peradilan sederhana, cepat, dan biaya ringan. *Perspektif*, 16(4), 227. Retrieved from <https://jurnal.perspektif.org/index.php/perspektif/article/view/85>
- Ibnu Manzur. (1990). *Lisan al-Arab* (Vol. 2, pp. 516–517). Beirut: Dar Sadir.
- Jawatankuasa Khas ini dikenali sebagai "Jawatankuasa Pelaksanaan Sulh Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan."
- Karmawan. (2019). Mediasi perspektif sejarah hukum dan praktiknya di pengadilan Indonesia. *Islamika Jurnal Agama Islam Pendidikan dan Sosial Budaya*, 6.
- Kementerian Wakaf Islamiah Kuwait. (1412H/1992). *Mausu'ah al-Fiqhiyyah* (Vol. 27, p. 323). Kuwait: Darul al-Sofwah.
- Laudjeng, H. (n.d.). Mempertimbangkan peradilan adat. Retrieved August 5, 2024, from <https://jksns.ns.gov.my/perkhidmatan/majlis-sulh/pengenalan/>
- Lestari, R. (2013). Perbandingan hukum penyelesaian sengketa secara mediasi di pengadilan dan di luar pengadilan di Indonesia. *Jurnal Ilmu Hukum*, 3(2), 219. Retrieved from <https://www.researchgate.net/profile/Rika-Lestari-4/publication/369719962>
- Mahkamah Agung Republik Indonesia Mahkamah Syar'iyah Takengon Kelas 1B. (2024, July 23). Prosedur mediasi. Retrieved from <https://ms-takengon.net/prosedur-mediasi/>

- Mahkamah Syar'iyah Banda Aceh Kelas 1A. (2024, July 23). Prosedur mediasi. Retrieved from <https://ms-bandaaceh.go.id/prosedur-mediasi/>
- Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Pelan Tindakan kali ke-5 bagi menangani kelewatan serta kelemahan perbicaraan kes-kes di Mahkamah Syariah. (n.d.). Mesyuarat diadakan di Dewan Syura, Level 11, Pusat Islam Malaysia, Kuala Lumpur.
- Mohamad Bin Abdullah. (2003). Pelaksanaan sulh di Mahkamah Syariah. *Jurnal Hukum*, 16(2), 68.
- Mohammad Nor Anwar Bin Mohd Sabri, & Nor'Adha Binti Abdul Hamid. (2020). Aplikasi sulh dalam penyelesaian konflik di Tanah Melayu. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020)*, 1289. Retrieved from https://conference.uis.edu.my/pasak5/images/eprosidingpasak2020/127_id195_aplikasi_sulh_dalam_penyelesaian_konflik_di_tanah_melayu.pdf
- Mohd Fuad Bin Mohd Salleh. (2006). *Proses penyelesaian konflik melalui perundingan sulh* (p. 8). UPM.
- Mohd. Ridzuan Awang. (2008). Pengurusan pusaka dan wasiat orang Islam di Malaysia. In *Kertas Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat dan Wakaf Taman Tamadun Islam* (pp. 18–19). Kuala Terengganu, Terengganu.
- Muhammad Amrullah, Nasrul, M., Muhamad Helmi Md Said, & Nurin Athirah Mohd Alam Shah. (2024). Peranan dan cabaran pusat mediasi mahkamah dalam penyelesaian kes pertikaian di Malaysia. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 36(1), 124. [https://doi.org/10.37052/kanun.36\(1\)no7](https://doi.org/10.37052/kanun.36(1)no7)
- Mustafa al-Khin. (1998). *Al-Fiqh al-Manhajiy* (Vol. 3, p. 149). Damshik: Dar al-Qalam.
- Nora Abdul Hak, & Sa'odah Ahmad, & Umar A. Oseni. (2011). *Alternative dispute resolution (ADR) in Islam*. IIUM Press.
- Nora Abdul Hak, Ahmad Mukhlis Mansor, & Roslina Che Soh @ Yusoff. (2020). Resolution of child custody dispute: Legislative foundation and contemporary application of sulh in the Shariah Court of Malaysia. *Journal of Islam in Asia*, 17(3), 150–169.
- Nur Khalidah Dahlan, Mohd. Rizal Palil, Mohamad Abdul Hamid, & Noor Inayah Yaakub. (2017). Kaedah penyelesaian pertikaian alternatif dari sudut Syariah di Malaysia. *Journal of Nusantara Studies*, 2(1), 86–98. Retrieved from <https://www.researchgate.net/publication/326014349>
- Ohorella, M. G., & Salle, K. (1995). Penyelesaian sengketa melalui arbitrase pada masyarakat pedesaan di Sulawesi Selatan. In *Seri Dasar-Dasar Ekonomi 2: Arbitrase di Indonesia* (pp. 108–109). Jakarta: Ghalia Indonesia.
- Ramli, R., Supaat, D. I., & Hashim, H. (2020). Kebiasaan baharu (new normal) dalam pelaksanaan sulh kes hadhanah dan nafkah anak: Isu dan cabaran. *INSLA e-Proceedings*, 3(1), 414–437.
- Usman, R. (2003). *Pilihan penyelesaian sengketa di luar pengadilan* (p. 159). Bandung: Citra Aditya Bakti.
- Widnyana, I. M. (1999). *Eksistensi delik adat dalam pembangunan*. Orasi ilmiah disampaikan di hadapan Sidang Terbuka Senat Universitas Udayana, Fakultas Hukum Universitas Udayana, Denpasar.